



## PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN  
MALAYSIA**

### **Malaysia yang Dihormati, Ekonomi yang Dinamik, Masyarakat yang Makmur**

Pada 9 Mei 2018, parti gabungan Pakatan Harapan telah mencipta sejarah dengan memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 dan membentuk Kerajaan baharu. Pentadbiran baharu sedang menumpukan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, memulihkan kedudukan fiskal serta melaksanakan pembaharuan institusi bagi menambah baik akauntabiliti dan ketelusan. Perubahan struktur ini dapat memastikan pertumbuhan mampan, kestabilan pasaran modal dan sektor kewangan serta mentransformasikan Malaysia daripada kleptokrasi global kepada demokrasi berasaskan peraturan.

Objektif meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat hanya akan bermakna jika kuasa beli rakyat dapat ditingkatkan dan beban kos sara hidup dapat dibendung. Inisiatif utama berpaksikan rakyat yang telah diambil bagi mencapai matlamat tersebut adalah melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkadar sifar pada Jun hingga Ogos 2018. Cukai GST seterusnya dimansuhkan pada 1 September 2018 dan kemudian digantikan dengan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) yang kurang membebankan.

Walaupun hasil Kerajaan Persekutuan akan berkurangan sebanyak RM17 bilion pada 2018, namun langkah tersebut telah membantu mengurangkan beban cukai, mengawal kenaikan harga serta meningkatkan kuasa beli rakyat. Berikutan pelaksanaan GST berkadar sifar, kadar inflasi turun selama tiga bulan berturut-turut dan mencecah 0.2% pada Ogos 2018 berbanding tempoh yang sama pada 2017 iaitu merupakan antara kadar bulanan terendah sejak 2009. Pengurangan ini telah mendorong pertumbuhan penggunaan swasta.

Bagi mengoptimalkan perbelanjaan dan sumber awam, Kerajaan telah menyusun semula semua kementerian dan agensi. Pentadbiran Kerajaan juga akan ditadbir berdasarkan kepada prinsip Kecekapan, Akauntabiliti dan Ketelusan (CAT) bagi melindungi kepentingan negara dan memastikan masa hadapan sektor awam bebas daripada penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Inisiatif ini serta pelbagai pembaharuan institusi seperti pengasingan peranan antara Perdana Menteri dan Menteri Kewangan akan memulihkan semula keyakinan orang ramai terhadap Kerajaan.

Pada peringkat global, IMF mengunjur pertumbuhan KDNK global berkembang 3.7% pada 2018 dan 2019 meskipun berhadapan pelbagai cabaran akibat daripada perang perdagangan, volatiliti harga komoditi, ketidakpastian pasaran kewangan dan ketegangan geopolitik. Walaupun berhadapan dengan situasi perang perdagangan, namun Malaysia perlu meletakkan negara sebagai destinasi pelaburan yang selamat bagi syarikat asing seiring dengan pendirian ASEAN sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang 4.9% pada 2019 dengan pertumbuhan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pertumbuhan ini adalah lebih tinggi berbanding jangkaan 4.8% pada 2018. Perkembangan sektor perkhidmatan akan disokong oleh peningkatan permintaan dalam subsektor perdagangan borong & runcit; kewangan & insurans; maklumat & komunikasi; serta makanan & minuman dan penginapan. Sementara itu, pertumbuhan sektor pembuatan akan didorong oleh industri berorientasikan eksport terutamanya berikutan peningkatan permintaan global bagi produk E&E. Pertumbuhan sektor pertanian dan perlombongan pula dijangka bertambah baik selepas prestasi lemah pada 2018 yang berpunca daripada kejutan penawaran dan cuaca buruk manakala sektor pembinaan berkembang pada kadar sederhana.

Dari sudut permintaan, perbelanjaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan berikutan sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih baik. Penggunaan swasta dijangka terus kukuh disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan kadar upah yang stabil manakala pertumbuhan pelaburan swasta akan didorong oleh persekitaran perniagaan yang kondusif. Perbelanjaan sektor awam pula akan dioptimumkan tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Walaupun ketegangan perdagangan semakin meruncing, namun sektor luar dijangka terus berkembang meskipun pada kadar yang lebih perlahan.


Kerajaan sedar bahawa sebagai ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia akan mendapat manfaat besar daripada integrasi global yang meluas. Malaysia akan terus mengamalkan dasar perdagangan dan pelaburan terbuka bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berkualiti tinggi, menarik pelaburan strategik, mewujudkan pekerjaan mahir di samping meraih peluang daripada Revolusi Perindustrian 4.0. Negara akan meneruskan integrasi perdagangan yang lebih luas dengan anggota ASEAN dan rantau lain untuk mempelbagaikan rakan dagangan dan meneroka pasaran baharu.

Kerajaan juga akan meneruskan matlamat pembangunan mampan dengan mempercepat penggunaan teknologi hijau di samping melindungi dan memulihara sumber semula jadi untuk manfaat generasi akan datang.

Selaras dengan hasrat mencapai pertumbuhan mampan yang dapat membantu Malaysia melepasi perangkap negara berpendapatan sederhana, sektor swasta perlu menjadi peneraju kepada pertumbuhan ekonomi. Kerajaan berusaha untuk mewujudkan sebuah negara keusahawanan melalui Perkongsian 4P yang melibatkan sektor awam, sektor swasta, profesional dan rakyat. Sungguhpun Kerajaan akan terus melabur dalam pendidikan dan infrastruktur awam, namun sektor swasta perlu menerajui dan mengendalikan pelbagai inisiatif perkongsian 4P.

Bagi mengembalikan kegemilangan Malaysia dan bangkit semula sebagai Harimau Asia, penggubalan dasar perlu lebih jelas dan tuntas untuk menyediakan persekitaran perniagaan kondusif yang dapat meningkatkan keyakinan dalam kalangan pelabur dan orang ramai. Kerajaan yang ditadbir berlandaskan peraturan serta memberi tumpuan kepada pembaharuan institusi, pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan ekonomi rakyat akan mewujudkan hala tuju negara yang jelas, pasti dan meyakinkan.

Sayangi Malaysiaku!



LIM GUAN ENG

2 November 2018